

16/08/1998

Tindakan luar jangkaan (HL)

Manja Ismail; Lichong Angkui

KOTA KINABALU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat bersedia menerima beberapa lagi tindakan kerajaan, yang mungkin di luar jangkaan, memulihkan kegawatan ekonomi sekarang.

Sambil mengingatkan bahawa semua tindakan itu bertujuan semata-mata mempercepatkan proses pemulihan, Perdana Menteri mahu rakyat, bukan sahaja memberikan sokongan padu, tetapi turut memberikan kepercayaan penuh kepada kerajaan.

"Kita mungkin mengambil beberapa tindakan lagi yang mungkin menggegarkan kita. Mungkin kita berasa takut atau waswas sama ada tindakan ini mendatangkan manfaat atau tidak, sama ada ia boleh menolong mengatasi masalah ekonomi atau tidak."

"Tetapi percayalah, setiap kali mengambil tindakan, kita memikirkannya secara mendalam dan pendekatan itu adalah untuk kebaikan rakyat," katanya berucap pada di Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat anjuran Badan Perhubungan Umno Sabah di Likas, dekat sini semalam.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; serta pemimpin parti komponen BN Sabah.

Diminta menjelaskan kenyataannya itu dalam sidang akhbar sebelum beliau berlepas pulang petang semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan mungkin melaksanakan sesuatu yang tidak disangka oleh rakyat.

"Saya membuat kenyataan itu kerana kadang-kadang kerajaan terpaksa membuat keputusan yang mungkin mengejutkan rakyat. Rakyat kena ada kepercayaan kepada kerajaan."

"Mungkin kita tak buat...tetapi kita kena menanamkan pemikiran rakyat supaya bersiap sedia," jelasnya.

Dalam ucapannya di perhimpunan itu, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini menegaskan, niat kerajaan ialah untuk menolong rakyat semua peringkat dan pendekatan yang diambil adalah bagi kebaikan bersama.

"Tidak ada niat lain. Kerajaan tidak ada niat lain melainkan mahu menjadikan kehidupan rakyat makmur dan aman damai," katanya sambil mengharapkan rakyat bersedia berkorban sedikit bagi memastikan pelbagai langkah yang diambil sebelum ini, mencapai kejayaan.

"Insya-Allah, kalau kita rapatkan barisan kita dan kita sokong tindakan kerajaan, kita akan dapat mengatasi masalah ekonomi ini. Apapun langkah dan rancangan yang dilaksanakan kerajaan akan gagal jika tidak mendapat sokongan padu rakyat," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, perubahan kepemimpinan negara seperti didesak oleh pihak luar tidak dapat menjamin masalah yang dihadapi negara sekarang ini berakhir segera.

Sehingga kini, katanya, beberapa negara yang turut menghadapi kegawatan ekonomi akibat serangan pedagang mata wang, sudah bertukar pimpinan tetapi masalah mereka bukan sahaja tidak selesai, malah terus bertambah.

"Di negara ini, usaha sedemikian ternyata gagal dilakukan oleh pihak asing kerana rakyat dan parti lawan berpendapat pihak asing tidak boleh campur tangan dalam urusan politik negara ini," katanya.

Walaupun tidak menyebut negara berkenaan, sejak kegawatan ekonomi melanda rantau ini setahun lalu, Thailand, Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Jepun telah bertukar pucuk pimpinan.

Dr Mahathir turut menjelaskan, penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara

(MTEN) adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara dan semua pelan tindakan yang dicadangkan perlu dilaksanakan dan diberi sokongan semua pihak.
(END)